

Headline	Dua kaedah rawatan bantu mangsa jalani kehidupan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	R2	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	265 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,675
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,024



## Dua kaedah rawatan bantu mangsa jalani kehidupan

**M**ESKIPUN sehingga kini penawar HIV/Aids belum ditemui, ada dua dua cara dilakukan kerajaan bagi mengawal jangkitannya andai pesakit datang ke hospital atau klinik untuk mendapatkan rawatan.

Antaranya, kaedah *metadome* dan pertukaran picagari yang diperkenalkan kerajaan.

*Metadome* ialah kaedah mengawal penyakit melalui pengambilan ubat-ubatan penagih dadah supaya tidak berkongsi jarum suntikan.

Menerusi kaedah itu, ketika penagih datang ke hospital atau klinik untuk mendapatkan

jarum suntikan, pihak berkaitan akan mendapatkan maklumat dan akan cuba memberi kaunseling supaya mereka mahu mendapatkan rawatan untuk mengatasi masalah ketagihan.

Menurut Dr Masliza Zaid, individu yang dijangkiti juga akan diberi ubat-ubatan yang kini ditawarkan bagi mengurangkan perkembangan virus berkenaan, sekali gus memberikan kehidupan bermutu kepada individu terbahit.

"Pengambilan ubat-ubatan boleh membantu individu yang dijangkiti berada dalam keadaan sihat dan menjalani hidup selesa dengan syarat mereka tidak mengabaikan pengambilan ubat, mengikut

jadual pengambilan ubat secara berterusan dan sentiasa mendapatkan khidmat nasihat doktor.

"Gambaran individu yang menghidap Aids seperti yang dilihat di kaca televisyen adalah tidak benar dan itulah yang menjadikan stigma masyarakat terhadap HIV/Aids semakin menebal serta menjadikan masalah lebih besar kepada individu terbahit sekiranya masyarakat mengetahu masalah mereka," katanya.

Bagi Dr Masliza sendiri, beliau juga mengalami masalah yang sama ketika mula-mula menjalankan tugas sebagai pakar perubatan di bahagian Penyakit Berjangkit Hospital Sungai Buloh.

"Keluarga ada bertanya kepa-

da saya kenapa saya memilih bidang ini, namun apabila diterangkan mengenai HIV/Aids, mereka faham dan tidak lagi mempunyai stigma terhadap individu yang hidup dengan HIV/Aids.

"Masyarakat perlu memahami dan tidak wajar menjadikan stigma sebagai hukuman terhadap pesakit kerana pesakit juga perlu menjalani hidup seperti biasa. Mereka boleh berkahwin dan memiliki anak, namun perlu ada persefahaman dengan pasangan selain sentiasa merujuk kepada pihak hospital dan klinik terhadap apa saja kemusykilan mengenai HIV/Aids dalam kehidupan rumah tangga mereka," katanya.

